

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Harian Metro (Segmen Minda)

Tarikh : Khamis, 4 September 2014

Mukasurat: 24

Gedung ilmu manuskrip Melayu

Kandungan manuskrip Melayu, yang diibaratkan 'khazanah genius tempatan', perlu dipelihara dan diteroka untuk generasi akan datang.

Penolong Pengarah Kanan Pusat Manuskrip Melayu Faizal Hilmie Yusof berkata, selain itu, pengkaji tempatan perlu berusaha memastikan ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu terus terpelihara agar tidak dibelenggu dengan tafsiran yang tidak tepat oleh sesetengah pengkaji Barat.

"Dalam memastikan segala kandungan dan ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu itu terus terpelihara, adalah menjadi tanggungjawab semua masyarakat di tanah air ini berganding bahu dalam mengekalkan dan mempertahankan ilmunya," katanya ketika ditemui pada program Wacana Manuskrip Melayu di sini, baru-baru ini.

Program itu bersempena Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di bangunan PNM di sini.

Ia berlangsung selama empat bulan bermula 26 Mei lalu membabitkan pelbagai jenis pameran manuskrip Melayu dan Nusantara yang diletakkan dalam replika kapal sebagai keahlan pada pameran kali ini.

PNM kini memiliki hampir 5,000 koleksi naskhah manuskrip dengan nilai jutaan ringgit.

Beliau berkata, ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu menjadi identiti masyarakat Melayu yang perlu dibanggakan sepanjang zaman oleh semua anak jati Melayu.

"Sinonim dengan golongan muda, semua yang didengar daripada kisah turun-temurun sebagai suatu yang 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri', namun adalah tidak sepatutnya isu ini terus menjadi penghalang kepada golongan muda untuk meneroka khazanah nenek moyang kita," kata Faizal Hilmie.

Faizal Hilmie menjelaskan antara lain manuskrip itu mengandungi cara pemakanan yang sihat dan penyembuhan cara tradisional mengikut resam ilmu perubatan Melayu lama.

Herba seperti pegaga, ulam raja, kaduk, mengkudu, sirih, pinang dan pelbagai akar kayu yang tumbuh meliar di hutan memiliki fungsi tersendiri dalam membantu membaiki kualiti kehidupan masyarakat Melayu lama.

"Hal ini adalah diakui sebagai suatu yang ada benarnya kerana

kebanyakan sumber alam semulajadi ini sehingga kini diabaikan dalam kehidupan moden misalnya jus pegaga, jus mengkudu dan daun sirih yang digunakan sebagai bahan bagi mandian dan produk kecantikan wanita," katanya.

Oleh itu bagi mereka yang ingin terus mengamalkan ubat-ubatan warisan Melayu, bolehlah merujuk kepada manuskrip Melayu lama.

Mesir sebuah negara yang juga kaya dengan khazanah manuskrip dan membuktikan kepada dunia mengenal kebenaran manuskripnya melalui penghasilan sesuatu mengikut apa yang tertulis dalam manuskrip itu.

Perpustakaan Alexandria atau nama lainnya Perpustakaan Iskandariah, Mesir menghasilkan sebuah jam besar, yang mana setiap ciri-ciri dan penciptaan jam itu dirujuk sepenuhnya berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam manuskrip lama Mesir.

Saiz jam yang dihasilkan itu benar-benar mengikut sebagaimana yang tertulis dalam manuskrip purba dan dibina secara sepenuhnya tanpa sebarang ubah suai dan penambahan dari sudut moden.

Penghasilan jam berkenaan membuktikan bahawa manuskrip lama Mesir adalah suatu yang benar-benar wujud dan disematkan khazanah ilmu itu dalam kandungan manuskrip. Begitu juga dengan manuskrip Melayu yang kandungannya menunggu untuk diterokai.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan lebih ramai pengkaji tempatan meneroka ilmu manuskrip Melayu kerana sarjana Barat hanya mampu menilai daripada kaca mata mereka berbanding perspektif Nusantara.

Sekiranya pengkaji tempatan menilai sendiri manuskrip Melayu ini sudah tentu ia lebih telus, sekali gus memberikan manfaat kepada negara.

"Sememangnya warisan turun-temurun yang tak lelang dek panas, tak lapuk dek hujan adalah suatu kebanggaan yang wajar dikenang dan dipraktikkan dalam hidup seharian," katanya.

Beliau berkata, setakat ini terdapat kira-kira 40 pengkaji tempatan yang aktif mengkaji kandungan dan ilmu warisan Melayu di dalam manuskrip Melayu lama dan Nusantara.

Faizal Hilmie berkata, kebanyakan pengkaji berkenaan hanya aktif dalam usaha mengkaji kandungan dan ilmu warisan Melayu dalam manuskrip Melayu lama dan Nusantara. - BER-NAMA